

## **Amalan Solat Berjemaah dalam Membentuk Akhlak Pelajar Politeknik METrO**

Mohd Alif Aiman Asari  
Politeknik METrO Kuala Lumpur  
alif\_asari.poli@1govuc.gov.my

Rushidah Md Rosdi  
Politeknik METrO Kuala Lumpur  
rushidahrosdi.pmkl@gmail.com

Mohd Faisal Mahdi  
Politeknik METrO Kuala Lumpur  
faisal@pmkl.edu.my

### **Abstract**

This study aims to identify the practice of congregational prayer in shaping the morals of students at Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL). Congregational prayer is a very important practice and observance to shape the morals and values of students. Students of Politeknik METrO Kuala Lumpur, who will be the country's potential leaders of the future should be instilled with self-esteem and morals and values (akhlak). Therefore, this study is conducted to study the extent to which the practice of congregational prayer shapes the morals and values of Muslim students at PMKL. The respondents of this study consist of 86 Muslim students in Semester Two at PMKL, who were selected for simple sampling using quantitative method and questionnaire. The results of this study show a high mean score value for the practice of congregational prayers of students, the practice of congregational prayers in shaping students' morals and values, and students' perception of congregational prayers. There is no difference between male and female students in the practice of congregational prayers, and the practice of congregational prayers in shaping student morals and values. However, there are gender differences in students' perceptions of congregational prayer. The practice of congregational prayers for PMKL students is very good and will continue to be given attention by the institution. This study provides useful input to the management of PMKL to emphasize the practice of congregational prayer among PMKL students to produce students who are spiritually and physically balanced with high moral values.

**Keywords:** practice of prayer, congregational prayer, moral and values

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan solat berjemaah dalam membentuk akhlak pelajar Politeknik METrO Kuala Lumpur. Solat berjemaah merupakan amalan dan ibadah yang sangat penting bagi membentuk akhlak pelajar. Para pelajar khususnya di Politeknik Malaysia merupakan golongan yang bakal menjadi pemimpin negara pada masa hadapan haruslah mempunyai jati diri dan akhlak yang mulia. Oleh kerana itu, kajian ini dilakukan bagi mengkaji sejauhmana pengamalan solat berjemaah dalam membentuk akhlak pelajar muslim di Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL). Respondan kajian terdiri daripada 86 orang pelajar muslim Semester Dua Politeknik METrO Kuala Lumpur yang

dipilih persampelan mudah dan kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif, instrumen soal selidik. Hasil daripada kajian ini menunjukkan nilai skor min yang tinggi bagi pengamalan solat berjemaah pelajar, pengamalan solat berjemaah dalam membentuk akhlak pelajar dan persepsi pelajar terhadap solat berjemaah. Tiada perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan di dalam pengamalan solat berjemaah pelajar, dan pengamalan solat berjemaah dalam membentuk akhlak pelajar. Namun terdapat perbezaan jantina di dalam persepsi pelajar terhadap solat berjemaah. Pengamalan solat berjemaah pelajar PMKL adalah sangat baik dan akan sentiasa diberikan perhatian oleh pihak institusi. Kajian ini memberikan input berguna kepada pengurusan PMKL untuk memberikan penekanan kepada pengamalan solat berjemaah dalam kalangan pelajar untuk melahirkan pelajar PMKL yang mempunyai kesimbangan dari segi rohani dan jasmani serta memiliki nilai-nilai akhlak yang mulia.

**Kata kunci:** pengamalan solat, solat berjemaah, akhlak

## **1.0 Pengenalan**

Setiap orang Islam diwajibkan mengerjakan solat sebanyak lima waktu sehari semalam. Ibadah solat merupakan rukun Islam yang kedua, ianya telah diperintahkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w dan umatnya semasa peristiwa Isra' dan Mi'raj. Oleh yang demikian, solat merupakan perkara utama bagi seorang Muslim dalam menjalani kehidupan di muka bumi ini. Tanpa melakukan ibadah solat amalan-amalan yang lain tidak membawa makna kerana perkara yang pertama dihisab oleh Allah adalah solah (Ibn Qayyim, 1998:98). Sabda Rasulullah s.a.w. daripada hadis yang telah diriwayatkan oleh Anas bin Malik r. a., iaitu Maksudnya : "Dari Anas bin Malik ra berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda: Yang pertama sekali akan dihisab ke atas seorang hamba di hari qiamat nanti ialah solat, maka jika baik solatnya nescaya baiklah amalan lainnya dan jika rosak solatnya, maka binasalah amal-amal yang lain" ( Riwayat al-Thabarani).

Oleh itu, pelaksanaan ibadah solat secara sempurna yang merupakan perkara fardu ain menjadi asas utama kepada proses pembentukan akhlak mulia. Ini jelas sebagaimana firman Allah SWT: "Dan dirikanlah solat (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah perbuatan keji dan mungkar." Al-Ankabut: 45). Jelas sekali dalam pelaksanaan tuntutan Rukun Islam kedua ini mengandungi unsur dalam membentuk dan mendidik akhlak mulia.

Selain itu, terdapat banyak kelebihan melakukan solat fardhu sebagaimana dalil hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda bahawa "Sekiranya manusia itu mengetahui pahala menyahut seruan azan dan pahala pada sof pertama, nescaya mereka akan mengundi untuk mendapatkan keduanya, dan sekiranya mereka mengetahui pahala orang yang bersegera mendatangi solat, nescaya mereka akan berlumba-lumba untuk lebih awal, dan sekiranya mereka mengetahui pahala solat isya` dan solat subuh berjemaah, nescaya mereka akan mendatangnya meskipun dengan merangkak." (Riwayat Al-Bukhari). Jesteru, kajian ini meninjau mengenai sejauh mana amalan solat fardhu secara berjemaah memberi kesan kepada akhlak para pelajar. Oleh sebab itu, kajian ini sangat kritikal untuk dikaji bagi melihat akhlak pelajar Politeknik METro Kuala Lumpur.

## **2.0 Pernyataan masalah**

Aspek kerohanian dan keagamaan menjadi faktor penting kepada semua orang Islam terutamanya para pelajar. Justeru itu, aspek keagamaan yang ditekankan ialah pelaksanaan ibadat solat. Solat secara langsung berpaksikan kepada pengukuhan elemen nilai yang perlu ada di dalam diri setiap pelajar. Hal ini adalah seiring dengan pandangan sarjana yang mengaitkan bahawa nilai dan akhlak yang baik mampu menjadikan seorang pelajar itu bertindak secara rasional dalam menangani masalah yang dihadapi (Abdul Salam, 2010; Hassan al-Banna, 2003). Namun, masalah sosial dalam kalangan pelajar pada hari ini semakin membimbangkan. Antara masalah sosial yang membimbangkan ialah jumlah kelahiran anak tidak sah taraf menunjukkan peningkatan antara 2006 hingga 2010 dengan jumlah keseluruhan sebanyak 234,647 didaftarkan dalam tempoh itu daripada lebih dua juta kelahiran didaftarkan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Berita Harian, 21 Mac 2011). Kajian Hasna et. Al. (2015) turut menekankan punca keruntuhan akhlak akibat daripada pengabaian solat tanpa rasa bersalah dalam diri individu. Situasi ini sangat membimbangkan semua pihak. Oleh itu, ibadat solat fardhu dan solat berjemaah seharusnya diberi penekanan kepada para pelajar kerana mereka ini yang akan membentuk masyarakat pada masa depan.

## **3.0 Objektif kajian**

- a. Mengenalpasti tahap skor min berkaitan pengamalan solat berjemaah pelajar, pengamalan solat berjemaah dalam membentuk akhlak pelajar dan persepsi pelajar terhadap solat berjemaah.
- b. Menguji perbezaan min di antara jantina dengan pengamalan solat berjemaah pelajar, pengamalan solat berjemaah dalam membentuk akhlak pelajar dan persepsi pelajar terhadap solat berjemaah.

## **4.0 Sorotan literatur**

Ibadah solat merupakan amalan yang dapat mendidik jiwa dan rohani bagi setiap manusia. Selain itu, dengan melakukan ibadah solat juga dapat mengangkat darjat dan martabat seseorang manusia serta mencegah seseorang daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar (Ahadin Arinen, 2013). Di dalam al-Quran, Allah SWT secara jelas menyebutkan bahawa amalan mengerjakan solat berjemaah itu dapat mencegah seseorang itu daripada melakukan perkara keji dan mungkar. Ayat tersebut berbunyi "Bacalah Kitab (AL-Quran) yang telah diwahyukan kepadamu (Muhammad) dan laksanakanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan) keji dan mungkar. Dan (ketahuilah) mengingat Allah (solat) itu lebih besar (keutamaannya dari ibadah yang lain). Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan". Selain itu, Solat fardhu yang lebih afdhal dilaksanakan ialah solat yang dilakukan di masjid ataupun surau (bagi lelaki) secara berjemaah dan pada awal waktu. Ini kerana solat berjemaah mengandungi pahala yang berlipat kali ganda daripada solat seorang diri (Mohd Aderi, 2014).

Dalam Islam solat berjemaah sangat dituntut kerana bagi Mazhab Syafie hukumnya adalah fardhu kifayah dan bagi Mazhab Hanafi dan Maliki

pula adalah sunat muakkad. Manakala sembahyang berjemaah merupakan fardu Ain yang wajib ke atas setiap orang Islam menurut mazhab Hambali (al-Zuhaili, 2002). Solat berjemaah membawa maksud solat yang dilakukan lebih daripada seorang atau secara beramai-ramai dengan diketuai seorang imam iaitu terdiri daripada seorang imam dan sekurang-kurangnya seorang makmum. Solat berjemaah mengandungi pahala yang berlipat kali ganda daripada solat seorang diri (Mohd Aderi, 2014). Dalil menunaikan solat fardu secara berjemaah sabda Rasulullah s.a.w. yang telah diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar r.a. (Bukhari, 2001): Maksudnya: “ Dari Abdullah bin Umar ra, sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah bersabda: Solat berjemaah adalah lebih baik daripada sembahyang seorang diri dengan 27 darjat.”(Riwayat al-Bukhari).

Solat merupakan asas penting untuk membentuk peribadi seseorang Muhammad Munir (1999). Ini disokong oleh kajian Mohd Nazir (2013) yang menjelaskan bahawa ibadah solat merupakan asas kefarduan ke atas semua umat Islam supaya mereka tidak terjebak dengan gejala perbuatan keji dan mungkar. Pelajar yang tekun melaksanakan ibadat solat dan menghayatinya akan menunjukkan akhlak dan budi pekerti yang baik dan mulia terhadap ibu bapa, guru dan rakan-rakan kajian oleh Shafora bt Juaini (2005). Hal ini, menunjukkan hubungan yang positif antara amalan solat dan akhlak pelajar. Ini bermakna pelajar-pelajar yang melaksanakan ibadah solat berjemaah dengan sempurna, dapat membentuk tingkah laku yang positif dan melahirkan akhlak yang terpuji.

Terdapat kajian yang membincangkan tentang pengamalan solat berjemaah contohnya kajian yang dilakukan oleh Siti Zaleha Ibrahim, Norziah Othman & Phayilah Yama (2016) berkaitan penghayatan dan pelaksanaan solat berjemaah dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penghayatan dan pengamalan solat berjemaah dalam kalangan pelajar KUIS adalah rendah. Daripada kajian tersebut dicadangkan pelbagai program dakwah atau kempen perlu dijalankan untuk mengalakkan pelajar solat berjemaah.

Dalam kajian Hasna, Ahmad Syukran & Mohd Ismail (2015) tahap kefahaman solat fardu berjemaah dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang mencapai min yang tinggi sebanyak 4.36. Ini menunjukkan pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang fahaman pelaksanaan solat fardhu berjemaah. Kajian yang dilakukan oleh Mohd Syukri (2014) ke atas 1000 orang pelajar Universiti Utara Malaysia mendapati bahawa pelajar jarang menunaikan solat fardu dengan nilai min yang tertinggi adalah 3.33. Kajiannya juga mendapati hanya 13.8% pelajar yang menunaikan solat berjemaah dan selebihnya sebanyak 76% responden tidak menunaikan solat berjemaah di masjid. Ini jelas menunjukkan peratusan pelajar yang menunaikan solat secara berjemaah masih berada pada tahap yang rendah. Oleh sebab itu, hal ini mendorong pengkaji untuk mengkaji amalan solat jemaah lebih memfokuskan kepada pembentukan akhlak pelajar khususnya di Politeknik METrO Kuala Lumpur.

## 5.0 Metodologi kajian

Metodologi kajian ini menggunakan metod kajian kuantitatif dan reka bentuk kajian tinjauan. Kajian ini menggunakan teknik persampelan rawak mudah ke atas pelajar semester dua di Politeknik METrO Kuala Lumpur dari Program Pengurusan Peruncitan, Diploma Digital Teknologi dan Diploma Pengurusan Perhotelan. Populasi kajian adalah seramai 86 orang dan berdasarkan panduan saiz sampel Gay dan Airasian (2003) berasaskan aras keyakinan 95% jumlah populasi dibawah 400 orang, data perlu dikutip bagi keseluruhan populasi. Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan untuk mendapatkan data dan maklumat tentang amalan solat berjemaah dalam membentuk akhlak pelajar di PMKL.

Soal selidik ini berpandukan kepada kajian terdahulu yang telah dijalankan oleh Siti Zaleha et al. (2016), berkaitan penghayatan dan pelaksanaan solat berjemaah dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi islam. Item soal selidik berbentuk skala Likert yang bermula dengan nilai rendah pada skala 1 sehingga skala 5 yang diberi nilai tinggi. Borang soal selidik dibahagikan kepada bahagian A Demografi, bahagian B Tahap Pengalaman Solat berjemaah Pelajar, bahagian C Tahap Pengalaman Solat Berjemaah dalam Membentuk Akhlak Pelajar dan bahagian D Tahap Persepsi Pelajar Terhadap Solat Berjemaah. Jadual 1 menunjukkan tahap min bagi item soal selidik yang telah dibahagikan mengikut tiga tahap (Munap, 2003).

**Jadual 1:** Min skala likert mengikut tiga tahap

| Nilai Min | Interpretasi |
|-----------|--------------|
| 1.00-2.33 | Rendah       |
| 2.34-3.67 | Sederhana    |
| 3.68-5.00 | Tinggi       |

## 6.0 Hipoteses kajian

Hipoteses Null iaitu tidak terdapat perbezaan di antara jantina lelaki dan perempuan dalam pengamalan solat berjemaah, pengamalan solat berjemaah dalam membentuk akhlak pelajar dan persepsi pelajar terhadap solat berjemaah.

## 7.0 Dapatan kajian

### a. Demografi

**Jadual 2:** Taburan responden mengikut jantina

| Jantina   | Kekerapan | Peratusan |
|-----------|-----------|-----------|
| Lelaki    | 42        | 48.8      |
| Perempuan | 44        | 51.2      |
| Jumlah    | 86        | 100.0     |

Jadual 2 di atas menunjukkan 48.8 peratus (42) pelajar di PMKL adalah terdiri daripada kalangan pelajar lelaki, manakala 51.2 peratus (44) adalah terdiri dalam kalangan pelajar perempuan.

**Jadual 3:** Taburan responden mengikut program

| Program | Kekerapan | Peratusan |
|---------|-----------|-----------|
| DRM     | 45        | 52.3      |
| DHM     | 22        | 25.6      |
| DDT     | 19        | 22.1      |
| Jumlah  | 86        | 100.0     |

Jadual 3 menunjukkan bahawa majoriti responden adalah terdiri dalam kalangan pelajar program DRM 52.3 peratus (45), diikuti oleh pelajar Program DHM 25.6 peratus (22) dan paling sedikit adalah 22.1 peratus (19) dalam kalangan pelajar program DDT.

### **b. Kebolehpercayaan**

**Jadual 2:** Nilai kebolehpercayaan item soal selidik

| No.Item | Item  | Cronbach's Alpha |
|---------|---|------------------|
| 1-10    | Tahap Pengamalan Solat Berjemaah dalam Kalangan Pelajar         | .888             |
| 1-15    | Tahap Pengamalan Solat Berjemaah dalam membentuk akhlak pelajar | .821             |
| 1-10    | Tahap Persepsi Pelajar Terhadap Solat Berjemaah                 | .716             |

Keputusan ujian kebolehpercayaan item soal selidik menunjukkan tahap pengamalan solat berjemaah dalam kalangan pelajar (.888), tahap pengamalan solat berjemaah dalam membentuk khlak pelajar (.821) dan tahap persepsi pelajar terhadap solat berjemaah(.716). Menurut Davies,I.I.C (1971) dapatan nilai kebolehpercayaan item soal selidik ini adalah sangat tinggi.

**c. Analisis skor min bagi pemboleh ubah**

**Jadual 3:** Skor Min bagi pemboleh ubah

| Perkara   | Bilangan | Min    | Sisihan Piawai |
|---|----------|--------|----------------|
| Tahap Pengamalan Solat berjemaah dalam Kalangan Pelajar         | 86       | 3.9899 | .36779         |
| Tahap Pengamalan Solat Berjemaah dalam Membentuk Akhlak Pelajar | 86       | 4.4570 | .43779         |
| Tahap Persepsi Pelajar Terhadap Solat Berjemaah                 | 86       | 4.3651 | .43865         |

Sumber: Diperolehi hasil analisis penyelidikan.

Jadual 3 menunjukkan nilai skor min bagi item soal selidik. Skor min yang paling tinggi 4.4570 adalah bagi item pengamalan solat berjemaah dalam membentuk akhlak pelajar, diikuti min 4.3651 untuk persepsi pelajar terhadap solat berjemaah dan terakhir 3.9899 untuk pengamalan solat berjemaah dalam kalangan pelajar. Penentuan tahap skor min seperti di dalam jadual 1. Melalui kajian skor min tertinggi 4.4570 menunjukkan bahawa para pelajar menyedari bahawa solat berjemaah sebenarnya mampu menjadikan mereka berdisiplin, menjaga batas-batas pergaulan dan seterusnya menjadi seorang muslim yang lebih baik. Manakala skor min terendah 3.9899 menjelaskan tentang amalan solat berjemaah dalam kalangan pelajar masih boleh dipertingkatkan melalui galakkan daripada ibu bapa, pensyarah dan rakan-rakan.

**d. Ujian t sampel bebas**

**Jadual 4.** Keputusan ujian t sampel bebas

|   | Nilai t | Nilai signifikan p<.05 | Keputusan Ujian      |
|---|---------|------------------------|----------------------|
| Tahap pengamalan solat berjemaah dalam kalangan pelajar         | -.532   | .596                   | Terima hipotesis nul |
| Tahap pengamalan solat berjemaah dalam membentuk akhlak pelajar | 1.032   | .305                   | Terima hipotesis nul |
| Tahap persepsi pelajar terhadap solat berjemaah                 | 2.392   | .019                   | Tolak hipoteses nul  |

Jadual 4 menunjukkan keputusan analisis kajian untuk menjawab objektif kedua kajian menggunakan Ujian t sampel bebas. Dapatan kajian menunjukkan wujud perbezaan di antara jantina lelaki dan perempuan untuk persepsi terhadap solat berjemaah iaitu nilai  $P < .05$ . Pelajar perempuan mempunyai persepsi yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki iaitu min pelajar perempuan (44.7273) berbanding min pelajar lelaki (42.5238). Ini menunjukkan hubungan dan persepsi pelajar saling berkaitan terhadap solat berjemaah Ahadin bin Arinen (2013). Dapatan ini menyebabkan  $H_0$  ditolak.

## **8.0 Perbincangan**

Menjaga amalan solat yang menjadi asas pegangan orang Islam amat penting kerana ia melibatkan aspek rohani, jasmani, emosi dan intelektual (Hasna Bidin, 2016). Kesimbangan semua aspek ini mampu melahirkan seorang pelajar yang seimbang di dalam meneruskan kehidupan pada masa depan. Selain itu, menjaga amalan solat sering dikaitkan dengan amalan mulia dan menjadi kayu ukur kepada kejayaan pembentukan sahsiah peribadi (Marzuki, Rahman & Ismail, 2019). Amalan solat berjemaah juga merupakan satu tuntutan kerana nilai pahala adalah 27 kali ganda berbanding solat seorang diri. Daripada kajian ini para pelajar Politeknik METrO Kuala Lumpur menyedari kepentingan amalan solat berjemaah berdasarkan skor min yang diperoleh daripada pengamalan solat berkemaah pelajar adalah tinggi (min=3.9899).

Namun untuk memastikan kekerapan solat berjemaah setiap waktu perlukan kepada beberapa faktor pendorong seperti peranan ibu bapa di dalam pendidikan solat anak dan remaja. Kaedah pembiasaan dan teladan yang digunakan sesuai dengan perkembangan jiwa anak dan remaja. Ibnu Sina mengatakan bahawa kanak-kanak banyak meniru kerana ianya merupakan proses pendidikan bagi kanak-kanak dalam kehidupan mereka. Dalam proses perkembangan anak-anak akan mengikuti dan meniru segala yang dilihat di mata mereka (Fathor Rachman, 2010).

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar PMKL dengan nilai skor min (4.4570) mengetahui bahawa solat berjemaah akan membentuk akhlak yang mulia seperti berdisiplin, saling menyayangi di antara satu sama lain, takut melakukan perbuatan yang berdosa dan menjaga batas-batas dalam pergaulan. Dapatan ini selari dengan kajian (Zin, Nurfahratul & Rohaya, 2018) yang menerangkan tentang kepentingan solat fardu secara berjemaah bagi memaksimumkan amalan solat. Ini kerana nilai nilai akhlak mulia seperti di atas mampu diamalkan melalui solat berjemaah.

Persepsi pelajar PMKL terhadap solat berjemaah juga sangat tinggi dengan nilai skor min (4.3651). Para pelajar mempunyai anggapan yang positif berkenaan solat berjemaah ini. Mereka telah mempunyai pengetahuan tentang kebaikan solat berjemaah melalui pendedahan di rumah sehinggalah di peringkat sekolah Menengah. Melalui solat berjemaah ini para pelajar dapat menjaga hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tiada perbezaan di antara pelajar lelaki dan perempuan di dalam tinjauan mengenai pengamalan solat berjemaah dan pengamalan solat berjemaah dalam membentuk akhlak



pelajar dengan nilai  $P > 0.05$  iaitu .596 dan .305. Para pelajar menyedari bahawa pengamalan solat berjemaah memberi kesan yang baik kepada diri mereka bukan sahaja di dalam menjaga hubungan dengan Allah bahkan hubungan dengan sesama manusia. Namun begitu, terdapat perbezaan yang signifikan di antara lelaki dan perempuan di dalam tinjauan berkenaan dengan persepsi pelajar terhadap solat berjemaah nilai  $P < 0.05$  iaitu pelajar lelaki .019 dan pelajar perempuan nilai .020.

## 9.0 Kesimpulan

Sebagai rumusan, kajian ini memberikan input berguna kepada pihak pengurusan PMKL untuk memberikan penekanan kepada pengamalan solat berjemaah dalam kalangan pelajar untuk melahirkan pelajar PMKL yang mempunyai keseimbangan dari segi rohani dan jasmani serta memiliki nilai-nilai akhlak yang mulia. Selain itu, pihak PMKL juga boleh merancang aktiviti-aktiviti yang menarik minat pelajar untuk melaksanakan solat secara berjemaah .

Kajian ini juga boleh dijadikan rujukan Pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) amnya dan para pendidik dan pensyarah khususnya. Hal ini demikian kerana melalui kajian ini pihak-pihak yang berkenaan dapat mengetahui pengamalan pelajar terhadap solat berjemaah dan sejauh mana solat berjemaah dapat membentuk akhlak pelajar tersebut. Di samping itu juga, melalui kajian ini juga boleh membantu penggubal kurikulum di peringkat politeknik khususnya bagi subjek Pendidikan Islam supaya menambahbaik dan mewujudkan semula subjek Pendidikan Islam di politeknik.

## 10.0 Cadangan untuk kajian masa hadapan

Kajian ini secara keseluruhannya menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik bagi mengenal amalan solat berjemaah pelajar dalam membentuk akhlak pelajar di PMKL. Justeru itu, kajian lanjutan boleh dilakukan dengan menggabungkan pendekatan kualitatif seperti kaedah temu bual bersama pensyarah-pensyarah yang terlibat dalam pemerhatian di Politeknik bagi mendapat maklumat yang lebih jelas berkenaan dengan pengamalan solat berjemaah pelajar.

## Rujukan

Al-Quran, *Tafsir pimpinan ar-rahman kepada pengertian al-quran*. Darul Fikir: Kuala Lumpur.

Abdul Salam Yusof (2010). *Idea-idea pendidikan berkesan al-ghazali & konfusius*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Ahadin Arinen (2013). *Peranan solat dalam pembentukan masyarakat berkualiti*. Jabatan kehakiman Syariah Negeri Sabah: Kota Kinabalu

- Berita Harian, Newspaper. Published: Mac 2011,
- Davies, I.I.C. (1971). *The management of learning*, C.Gain Hill. London.
- Fathor Rachman Utsman. (2010). *Pemikiran pendidikan Ibnu Sina dan aplikasinya dalam pengembangan pendidikan Islam di Indonesia. Tadris.42(5)*.
- Gay, L. R., & Airasian (2003). *Educational research: competencies for analysis and applications (7th ed.)*. Upper Saddle River, NJ: Merrill/Prentice Hall.
- Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin, Mohd Ismail Mustari (2015). *kefahaman ibadat solat fardu dalam kalangan pelajar muslim: kajian tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, 5(3),21-34*.
- Hasna Bidin. (2016). *Pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor Universiti Teknologi Malaysia*.(unpublished Thesis). Universiti Teknologi, Malaysia.
- Marzuki, M. K. Rahman, M. M. A., & Ismail, A. (2019). Pembentukan sahsiah pelajar muslim dan hubungannya dengan pelaksanaan amalan solat: kajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Kelantan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Komtemporari, 20(1)*.
- Mohd Aderi Che Noh, Noraini Omar & Nur Hanani Hussin (2014). *Sumber Pendidikan Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia:Selangor
- Mohd Nazir bin Ibrahim (2013). *Kefahaman dan penghayatan amalan solat fardu dalam kalangan orang asli Pos Pulat, Gua Musang, Kelantan*. (Unpublished Tesis Sarjana Muda. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Perak Darul Ridzuan.
- Munap, R. (2003). *Penilaian program diploma kesetiausahaan eksekutif di Universiti Teknologi Mara*.Fakulti Pendidikan UKM: Bangi.
- Qazraini, Hafidz Abi Abdillah Muhammad bin Yazid (1998). *Sunan Ibn majah*. Kaherah : Dar al- Hadith.
- Siti Zaleha Ibrahim, Norziah Othman & Phayilah Yama (2016). Penghayatan dan pelaksanaan solat berjemaah dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Islam. *In International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah Kolej Universiti Islam Antarabangsa: Selangor*.
- Shukri Ahmad (2014). *Penghayatan solat dan pengimarahannya masjian: kajian dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia*.

Shafora Juaini (2005). *Ibadah Solat Dan Hubungannya Dengan Akhlak Pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kuala Selangor*.

Wahbah al-Zuhaili (2002). *Fiqh dan perundangan islam*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka

Zin, M. Z. M., Nurfahiratul, A. H., & Rohaya, S. (2018). Kepentingan amalan religiositi dalam pembangunan profesional. *Borneo International Journal*, 1(1). 20-26.